

KERAJAAN MALAYSIA

SURAT PEKELILING RUKUN TETANGGA BILANGAN 1 TAHUN 2019

**PANDUAN PEMILIHAN DAN PELANTIKAN
AHLI JAWATANKUASA RUKUN TETANGGA**

TUJUAN

1. Surat Pekeliling ini bertujuan untuk menjelaskan tentang panduan pemilihan dan kuasa Pengarah Rukun Tetangga untuk melantik Ahli Jawatankuasa Kawasan Rukun Tetangga dan perlu dibaca bersekali dengan Akta Rukun Tetangga 2012, Pekeliling Rukun Tetangga 2012 dan Panduan Pengurusan Rukun Tetangga 2013.

LATAR BELAKANG

2. Surat Pekeliling ini menjelaskan semula Seksyen 4(1), (2) dan (3), serta Seksyen 7 (1), (2), (3) dan (4) - Akta Rukun Tetangga 2012 (Akta 751) yang menerangkan tentang kuasa Ketua Pengarah Rukun Tetangga untuk mewakili mana-mana Timbalan Ketua Pengarah Rukun Tetangga, Pengarah Rukun Tetangga, Timbalan Pengarah Rukun Tetangga, Penolong Pengarah Rukun Tetangga dan mana-mana pegawai lain yang difikirkan perlu atau sesuai manfaat untuk membantu dalam melaksanakan kewajipannya yang dilantik di bawah subseksyen 3(2).

3. Surat pekeliling ini turut menjelaskan perkara yang terkandung dalam Pekeliling Rukun Tetangga 2012, Bab B, Perkara 2(c) tentang bilangan keanggotaan Jawatankuasa Rukun Tetangga yang mana hendaklah dilantik di antara 20-25 orang dan tidak melebihi 30 orang (mengikut kesesuaian kawasan).

PELAKSANAAN

4. Surat Pekeliling ini memperincikan semula tindakan yang boleh diambil oleh seseorang Pengarah Rukun Tetangga berkenaan pelantikan Ahli Jawatankuasa Rukun Tetangga. Seseorang Pengarah Rukun Tetangga, dalam tempoh tiga puluh hari dari tarikh penetapan sesuatu Kawasan di bawah Seksyen 5 Akta Rukun Tetangga 2012 atau dalam apa-apa tempoh yang lebih lama sebagaimana yang ditetapkan oleh Ketua Pengarah Rukun Tetangga, mempunyai kuasa untuk melantik Ahli Jawatankuasa Rukun Tetangga yang hendaklah terdiri daripada apa-apa bilangan orang yang merangkumi pemastautin, orang yang mempunyai kepentingan dalam Kawasan itu dan orang lain, sebagaimana yang diluluskan oleh Pengarah Rukun Tetangga (Seksyen 7(1), Akta Rukun Tetangga 2012).

5. Menurut Pekeliling Rukun Tetangga 2012, Bab B, Perkara 2(c), bilangan keanggotaan Jawatankuasa Rukun Tetangga hendaklah di antara 20-25 orang dan tidak melebihi 30 orang. **Sebagai penambahbaikan, pihak Jabatan telah bersetuju melalui Surat Pekeliling Bilangan 1/2019 membenarkan keanggotaan Jawatankuasa Rukun Tetangga ditetapkan antara 20 hingga 30 orang ahli Jawatankuasa Kawasan Rukun Tetangga.**

6. Kepimpinan yang berkesan adalah kepimpinan yang mampu membawa Rukun Tetangga mencapai matlamat yang ditetapkan. Antara ciri-ciri sifat kepimpinan yang diperlukan untuk menjadi pemimpin Jawatankuasa Rukun Tetangga adalah seperti berikut:

- (i) Berkeinginan tinggi untuk menjadi pemimpin;
- (ii) Mempunyai tahap tenaga yang tinggi;

- (iii) Keyakinan diri yang tinggi;
- (iv) Stabil emosi dan pandai mengawal diri, positif, yakin dan tidak menyalahgunakan kuasa;
- (v) Bersifat integriti, jujur, amanah, beretika dan boleh dipercayai;
- (vi) Pintar dan berupaya untuk berfikir secara kritikal, kreatif dan holistik dalam menyelesaikan masalah dan membuat keputusan;
- (vii) Fleksibel dan berkeupayaan untuk mengadaptasi gaya kepimpinan mengikut situasi; dan
- (viii) Mesti bersifat mesra dan mempunyai keprihatinan yang tinggi terhadap hal ehwal komuniti.

7. Manakala pemilihan Ahli Jawatankuasa Kawasan Rukun Tetangga perlu berlandaskan kriteria pemilihan seperti berikut:

- (i) Komposisi kumpulan dan kaum:
 - (a) Mewakili penduduk mengikut jalan, kelompok, blok dan deretan rumah dalam Kawasan Rukun Tetangga;
 - (b) Mengambil kira semua komposisi etnik di dalam kawasan penempatan tersebut; dan
 - (c) Mengambil kira kepelbagaian pegangan agama dan kepercayaan penduduk di dalam kawasan penempatan tersebut.

(ii) Jantina:

Ahli jawatankuasa hendaklah terdiri dalam kalangan lelaki dan wanita.

(iii) Peringkat umur:

- (a) Ahli Jawatankuasa (AJK) hendaklah berumur 18 tahun ke atas dan tidak melebihi umur 70 tahun. Pelantikan AJK ini

perlu merangkumi pelbagai peringkat umur supaya keperluan pelbagai peringkat umur dapat disuarakan;

- (b) Sekiranya terdapat mana-mana ahli komuniti yang ingin dilantik sebagai Ahli Jawatankuasa Rukun Tetangga tetapi melebihi umur 70 tahun dan menepati kriteria-kriteria yang ditetapkan, hendaklah mendapat kebenaran dari Pengarah Rukun Tetangga terlebih dahulu; dan
- (c) Sekurang-kurangnya 1/3 dari bilangan ahli Jawatankuasa yang dilantik hendaklah berumur diantara 18 tahun hingga 35 tahun.
- (iv) Latarbelakang pendidikan, pekerjaan dan keluarga:
 - (a) Pelbagai latarbelakang pendidikan.
 - (b) Pelbagai latarbelakang pekerjaan.
 - (c) Pelbagai latarbelakang fahaman dan ideologi.
 - (d) Tiada unsur pertalian keluarga (suami, isteri dan anak) yang wujud dalam kalangan ahli Jawatankuasa Rukun Tetangga yang dipilih.

8. Terdapat **tiga kategori** pelantikan Ahli Jawatankuasa Kawasan Rukun Tetangga:

(i) Pelantikan Ahli Jawatankuasa Rukun Tetangga yang aktif.

Bagi Jawatankuasa Kawasan Rukun Tetangga yang aktif dan tidak menimbulkan apa-apa isu sepanjang tempoh pelantikannya, Mesyuarat Pelantikan Semula Jawatankuasa Rukun Tetangga boleh dilaksanakan **tanpa mesyuarat terbuka**.

- (a) **Kecuali** bagi seseorang ahli Jawatankuasa Kawasan Rukun Tetangga yang telah memegang jawatan selama tiga penggal berturut-turut (6 tahun) melainkan dengan kelulusan Ketua Pengarah Rukun Tetangga (Perkara 7 (4), Akta Rukun Tetangga 2012); dan
 - (b) Pengarah Rukun Tetangga boleh menggunakan kuasa untuk memilih dan melantik **sekurang-kurangnya 5 orang Jawatankuasa Rukun Tetangga** yang dirasakan bersesuaian dan menepati kriteria pemilihan seperti di perkara 6 dan 7 di atas sekiranya dirasakan perlu bagi Rukun Tetangga tersebut.
- (ii) **Pelantikan Ahli Jawatankuasa Rukun Tetangga yang tidak aktif dan bermasalah.**

Bagi Jawatankuasa Kawasan Rukun Tetangga yang tidak aktif dan menimbulkan isu sepanjang pelantikannya, beberapa perkara perlu diberi perhatian apabila mesyuarat pelantikan semula dilaksanakan.

- (a) **Mesyuarat terbuka** hendaklah dilaksanakan dengan melibatkan penduduk setempat dan orang yang berkepentingan dalam kawasan komuniti;
- (b) Mesyuarat pelantikan secara terbuka ini hendaklah diselaraskan oleh Pengarah Rukun Tetangga dengan cara membuat hebahan dan edaran jemputan, menyelaraskan tempat mesyuarat dan mengendalikan pemilihan Jawatankuasa Rukun Tetangga; dan
- (c) Pengarah Rukun Tetangga boleh menggunakan kuasa untuk memilih dan melantik **sekurang-kurangnya 5 orang Jawatankuasa Rukun Tetangga** mengikut kriteria pemilihan yang digariskan di dalam Perkara 6 dan 7 di atas untuk

memastikan kepelbagaian di dalam Jawatankuasa Rukun Tetangga yang dilantik.

(iii) Pelantikan Ahli Jawatankuasa Rukun Tetangga yang baru diluluskan.

- (a) **Mesyuarat terbuka** hendaklah dilaksanakan dengan melibatkan penduduk setempat dan orang yang berkepentingan dalam kawasan komuniti;
- (b) Mesyuarat pelantikan secara terbuka ini hendaklah diselaraskan oleh Pengarah Rukun Tetangga dengan cara membuat hebahan dan edaran jemputan, menyelaraskan tempat mesyuarat dan mengendalikan pemilihan Jawatankuasa Rukun Tetangga; dan
- (c) Pengarah Rukun Tetangga boleh menggunakan kuasa untuk memilih dan melantik **sekurang-kurangnya 5 orang Jawatankuasa Rukun Tetangga** mengikut kriteria pemilihan yang digariskan di dalam Perkara 6 dan 7 di atas untuk memastikan kepelbagaian di dalam Jawatankuasa Rukun Tetangga yang dilantik.


PEMAKAIAN

9. Pemakaian Surat Pekeliling Rukun Tetangga ini dipanjangkan kepada semua Pengarah-Pengarah Bahagian, Pengarah Perpaduan Negeri, Pegawai Perpaduan Daerah dan Bahagian, dan Ahli Jawatankuasa Kawasan Rukun Tetangga di seluruh Malaysia.

TARIKH KUATKUASA

10. Penjelasan yang dinyatakan dalam surat pekeliling ini hendaklah digunakan oleh semua pihak yang terlibat berkuatkuasa mulai tarikh ia dikeluarkan.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"



(DATU HJ. ABDUL KARIM BIN HJ. ABU SEMAN)

Ketua Pengarah Rukun Tetangga
Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional
Jabatan Perdana Menteri

JABATAN PERPADUAN NEGARA DAN INTEGRASI NASIONAL
(JABATAN PERDANA MENTERI)
MALAYSIA

15 Januari 2019

Semua Pengarah Bahagian
Semua Pengarah Perpaduan Negeri
Semua Pegawai Penyelaras/ Penyelia JPNIN Negeri
Semua Pegawai Perpaduan Daerah/ Bahagian
Semua Pegawai Penyelaras/ Penyelia Daerah/ Bahagian
Semua Ahli Jawatankuasa Kawasan Rukun Tetangga